

PEMIKIRAN BADIUZZAMAN SAID NURSI TERHADAP KENABIAN: IBRAH KISAH-KISAH NABI YANG TERDAPAT DALAM RASAIL AN-NUR

Muaz Bin Hj Mohd Noor, S. Salahudin Suyurno (PM Dr.), Norazri Mohd Zaini, Mohd Solahuddin Shahrudin, Mohd Paidi Norman

Keywords: Prophethood, Badiuzzaman Said Nursi, Rasail an-Nur, Da’wah

Abstract. This study is an attempt to elaborate on metaphysical thinking of a mujaddid, a highly influential intellectual and reformer of the 20th century, Sheikh Badiuzzaman Said Bin Mirza (Said Nursi) on the question of prophethood. This study gives emphasis on several key concepts associated with the prophetic nature, such as the concept of divinity, miracles, and importance messages of the prophet. This study focuses on the great books of Said Nursi, *Rasāil an-Nūr*, which is sourced from the al-Qurān and al-Hadith. For further interpretation of each debate, the author has presented an overview of some ‘scholars’ of various schools of thought as a comparison. From the aspect implementation of the study, the authors have adopted the use of documentation to gather all the necessary data, while the method of inductive, deductive and comparative is used to analyze all the data collected. The findings of this study show that, there have several prophets mentioned directly by the Said Nursi, such as the prophet Adam a.s, prophet Yusuf as.s, prophet Yunus a.s, prophet Ayub a.s, prophet Khidir a.s, and Prophet Muhammad s.a.w. Of course, these prophets have their own advantage and privileges from Said Nursi’s view until they are highlighted in writing, and preaching. Then, Said Nursi appears to have proved that the prophetic style of thinking can solve the issue of the community that exist on this day, though the prophecy has passed over 1400 years ago.

KISAH-KISAH NABI DALAM *RASĀIL AN-NŪR*

Berdasarkan pemerhatian penulis di dalam kitab *Rasāil an-Nūr* setebal lebih daripada 6000 halaman ini, terdapat beberapa nama nabi-nabi yang disebut oleh Badiuzzaman Said Nursi, baik secara langsung mahupun tidak langsung, baik secara *detail* mahupun sekadar perumpamaan. Antara nama nabi-nabi atau rasul tersebut ialah, nabi ‘Adam a.s, nabi Yusuf a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Yunus a.s, Nabi Ayyub a.s, Nabi Ibrahim a.s, dan penghulu segala nabi, Nabi Muhammad s.a.w.

Maka, untuk mengenali lebih jauh tahap pemikiran Syeikh Badiuzzaman Said Nursi dalam isu kenabian ini, penulis beranggapan perlunya disenaraikan secara ringkas setiap kisah-kisah tersebut. Sekurang-kurangnya ia dapat mengukuhkan struktur kefahaman kita mengenai *level* pemikiran Said Nursi dalam setiap permasalahan yang berkaitan dengan ‘dunia’ kenabian. Di bawah disertakan secara ringkas tentang riwayat atau kisah nabi-nabi tersebut.

Kisah Nabi Adam (a.s): Hikmah Manusia Pertama. Said Nursi telah membangkitkan kisah Nabi ‘Adam a.s di dalam kitabnya *Rasāil an-Nūr*. Dalam *al-Maktubat*, pada ‘Surat’ ke-12 Said Nursi telah menjawab secara ringkas beberapa persoalan daripada anak murid beliau berkaitan nabi ‘Adam a.s. Persoalan yang diajukan ialah, mengapa nabi Allah ‘Adam a.s diperintahkan keluar dari syurga dan dicampakkan ke alam dunia, sedangkan baginda dikatakan manusia mulia yang diipilih sendiri oleh Allah s.w.t. Said Nursi menjelaskan hakikat ini dengan jawapan berikut,

“If Adam (a.s) had remained in Paradise, his rank would have been fixed like that of the angels; man’s potentialities would not have unfolded. In any case, the angels, whose ranks are unchanging, are numerous, and there is no need for man to perform that sort of worship.”

“Indeed, since Divine wisdom required a realm of accountability appropriate to the potentialities of man, who would traverse infinite degrees, he was expelled from Paradise for his well-known sin, sin being the requirement of man’s nature and contrary to that of the angels. That is to say, just as Adam being expelled from Paradise was pure wisdom and pure mercy, so is it just and right that the unbelievers should be sent to Hell.”¹

Dari jawapan Said Nursi ini, kita boleh lihat bagaimana beliau tetap bertegas bahawa setiap nabi-nabi yang dipilih dikalangan makhluk-Nya adalah terdiri daripada manusia yang istimewa dan sempurna. Begitu jugalah bagi nabi pertama yang diutuskan, nabi ‘Adam a.s. Allah s.w.t mempunyai *asbab* mengapa hal ini berlaku, dan salah satu daripadanya adalah untuk ‘memenuhi’ keperluan dan kehendak seluruh manusia itu sendiri yang telah ditetapkan Allah s.w.t sejak azali lagi. Manusia ditakdirkan Allah s.w.t akan mendiami alam dunia, maka mereka memerlukan seorang ‘wakil’ dari kalangan mereka (manusia) dan akan bersama-sama mereka di atas muka bumi ini, bagi berhadapan dengan hasutan nafsu dan syaitan.

1 Nursi, Badiuzzaman Said, *The Letters (Twelfth Letter)*, terj. Şükran Vahide (Istanbul: Sozler Nesriyat, 2001), 62.

Said Nursi melanjutkan jawapan beliau dengan menegaskan,

“Thus, through the sending of prophets and the mystery of man’s accountability, and through striving, and fighting with satans, in return for the hundreds of thousands of prophets and millions of saints and thousands of millions of purified scholars they have gained, who are like the suns, moons, and stars of the world of humanity, mankind has lost the unbelievers and dissemblers, who are numerous in regard to quantity, insignificant in regard to quality, and like harmful beasts.”²

Maka natijah dikeluarkan nabi ‘Adam a.s dari syurga ke bumi, setelah tercetus isu terhasut godaan syaitan dan iblis, adalah suatu kebetulan yang dirancang oleh Allah s.w.t. Bagi Said Nursi, beliau melihat kejadian ini diaturkan oleh Allah s.w.t bagi menunjukkan seluruh manusia bahawa syaitan adalah musuh utama manusia, dan manusia perlu mengambil iktibar dari peristiwa ‘Adam a.s. ini. Tanpa takdir yang diatur oleh Allah s.w.t ini, sudah pastilah manusia tidak mempunyai alasan untuk mengingkari dan memusuhi syaitan mahupun iblis.

Secara suratannya pula, manusia yang pertama diciptakan Allah s.w.t ini dilantik pula sebagai seorang nabi, supaya manusia menyedari bahawa, jika di sana terdapat suatu yang *bathil* atau buruk (yang perlu dijauhi), sudah pasti di sana adanya suatu yang baik ataupun *haq* (yang perlu diikuti), iaitulah baginda ‘Adam a.s. Inilah rahmat dan hikmat disebalik persistiwa Adam a.s diutuskan ke alam dunia menurut kaca mata Said Nursi.³

Kisah Nabi Yusuf (a.s): Mengingati Mati. Kisah Nabi Yusuf a.s ada disentuh Said Nursi dalam beberapa ‘surat’ dalam kitabnya *Al-Maktubat (The Letters)*. Kisah atau sejarah tentang nabi Allah Yusuf a.s adalah yang kedua terbanyak selepas kisah nabi Muhammad s.a.w yang disebut oleh Said Nursi dalam *Rasāil an-Nūr*: Said Nursi ada menjelaskan hakikat Nabi Yusuf a.s pada ‘Surat’ ke-8, dan yang keduanya dalam ‘Surat’ yang ke-23.

Dalam ‘Surat’ yang ke-8, Said Nursi menyebut perihal Nabi Yuusuf secara sepintas lalu. Dalam risalah kecil tersebut, Said Nursi sebenarnya sedang membahaskan persoalan berkenaan hakikat *Asma’* Allah s.w.t (nama-nama Allah) dalam kehidupan manusiawi. Tatkala beliau membahas dan menterjemahkan sifat-sifat nama Allah s.w.t yang mulia seperti *al-Rahman* dan *al-Rahim*, beliau cuba mengaitkan sifat Pengasih dan Penyayang Allah s.w.t itu dengan seorang hamba-Nya yang mulia, iaitulah nabi Allah Yusuf a.s (bersama bapanya Nabi Allah Ya’kub a.s).

“Is this, the intense and brilliant emotion the Prophet Jacob (Ya’kub a.s) felt for Joseph (Yusof a.s) was not love or passion, but compassion. For compassion is much sharper and more brilliant and elevated, and purer and more worthy of the rank of prophethood than love and passion. If the love and passion for metaphorical objects of love and creatures are intense, they are not fitting for the elevated rank of prophethood.”⁴

Dalam menghuraikan sifat kasih sayang Nabi Yusuf a.s, Said Nursi telah membezakan takrif atau maksud perkataan ‘kasih sayang’ (*compassion*) dan perkataan ‘cinta’ (*love*). Perkataan kasih sayang dakwa Said Nursi lebih mendalam dan mulia berbanding kalimah ‘cinta’⁵. Sehingga Said Nursi menyatakan bahawa, *surah Yusuf* (yang terdapat di dalam al-Quran) merupakan terjemahan sifat kasih sayang Allah s.w.t, yang Maha Lembut, sekaligus membayangkan nabi Yusuf a.s adalah selembut-lembut manusia, serta berjaya mengapikasi sifat lemah lembut (kasih sayang) Allah s.w.t pada diri baginda, sebagai seorang nabi yang diutuskan Allah s.w.t.

Selain itu. Said Nursi juga ada menyebut tentang perihal Nabi Yusuf a.s di dalam ‘Surat’ yang ke-23, dalam ‘Pertanyaan’ yang ke-7. Beliau menjawab persoalan anak muridnya yang bertanya tentang maksud ayat, “*sempurnakan ajalku dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah aku dengan orang-orang yang soleh*”, iaitu pada ayat yang ke-101, dalam surah *Yusuf*. Ayat tersebut bermaksud:

“Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi Engkau Penguasa dan pelindungku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajalku

2 *Ibid.*, 64.
3 *Ibid.*
4 Nursi, Badiuzzaman Said, *The Letters (Eight Letters)*, terj. Şükran Vahide (Istanbul: Sozler Nesriyat, 2001), 48.
5 Said Nursi dilihat berbeza dengan gurunya, Syeikh Imam Rabbani r.a dalam menggunakan perkataan yang sesuai untuk mentakrifkan maksud ‘Pengasih’ dan ‘Penyayang’ Allah s.w.t, yang bakal digunakan dan dirujuk kepada para nabi. Syeikh Imam Rabbani lebih cenderung untuk menggunakan kalimah ‘cinta’ (love), sementara Said Nursi lebih senang untuk mengaitkan sifat Allah s.w.t kepada para nabi dengan ini menggunakan kalimah ‘kasih sayang’ (*compassion*). Rujuk *Al-Kalimat*, Surat yang ke-8.

(ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang Yang soleh.”

Persoalan pemuda tersebut dijawab Said Nursi sebagaimana berikut:

“It is a fine point of the finest of stories. An elevated, subtle, happy, and miraculous point of the verse, “*Take my soul [at death] as one submitting to Your will [as a Muslim], and unite me with the righteous*”, which announces that the story of Joseph (Yusuf a.s), the best of stories, has reached its conclusion. It is this: the sorrows and pains of death and separation at the end of other happy stories make bitter the pleasure the listener has received from the story in his imagination, and dispel it. Especially if they tell of death and separation just when recounting the moment of perfect joy and happiness; this is even more painful and causes those listening to cry out in sorrow.”

“However, although this verse tells of Joseph’s death just at the most brilliant part of his story, when he is Ruler of Egypt, united with his mother and father, fondly meeting with his brothers, and is experiencing the greatest happiness and joy of this world, it does so in such a way as to say: Joseph himself asked for his death from Almighty God in order to experience an even more happy and brilliant state; and he did die and did receive that happiness.”⁶

Menurut Said Nursi, jawapan dalam bentuk doa’ yang dibacakan oleh nabi Allah Yusuf a.s itu, terdapat pengajaran yang sangat berguna. Ia adalah bukti bahawa baginda merupakan seorang yang *thiqah* dan *‘alim*. Baginda tidak lupa akan kemewahan dan sentiasa mengingati mati. Baginda mengetahui bahawa puncak kebahagiaan di dunia adalah tidak mutlak dan tidak hakiki, walaupun ianya sehebat mana sekalipun, hatta menjadi raja penguasa di muka bumi inipun, ia belum tentu menjanjikan kebahagiaan di akhirat kelak. Bahkan menurut Said Nursi, meminta kematian di saat hidup yang senang merupakan satu sukar pada kebanyakan orang, namun tidak bagi nabi Yusuf a.s.

Tambah Said Nursi, inilah hakikat mengapa seorang nabi atau rasul itu dicipta dan diutuskan ke atas muka bumi ini. Nabi Allah Yusuf a.s yang bijaksana telah memberi teladan kepada kita, bahawa kegembiraan dan kebahagiaan (yang paling besar sekalipun) yang bersifat duniawi, sesekali tidak mampu memikat baginda, melainkan perkara tersebut membuatkan baginda berdoa agar dimatikan dalam Islam, seterusnya bersama dengan orang-orang soleh di akhirat kelak.⁷

Kisah Nabi Yunus (a.s): Hikmah Doa’. Dalam kitab *al-Lama’at (The Flash)*, pada ‘cahaya’ yang pertama, Said Nursi telah membawa pembaca untuk menyelusuri kisah luar biasa yang terjadi pada nabi Allah Yunus a.s⁸. Said Nursi telah merungkai peristiwa munajat Nabi Yunus a.s tatkala baginda berdepan dengan situasi yang getir lagi mencabar, iaitu persitiwa di mana Nabi Yusuf a.s ditelan hidup-hidup oleh ikan Nun⁹. Maka dalam situasi yang begitu mencemaskan tadi, Nabi Yunus a.s telah bertawakkal dan bermunajat kepada Allah s.w.t, agar di ampunkan dosanya, serta diselamatkan dari bencana tersebut.

Antara lafaz doa yang diungkap oleh Nabi Yunus a.s ketika di dalam perut ikan Nun, sebagaimana yang dirakam oleh Allah s.w.t di dalam surah al-Anbiya’ yang bermaksud:

“Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah s.w.t)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri.”

(Al-Anbiya’ 21: 87)

Menurut Said Nursi, lafaz munajat Nabi Yusuf a.s ini walaupun pendek, namun sangat mujarab dan ia merupakan

6 Nursi, Badiuzzaman Said, *The Letters (Twenty Fourth Letter)*, terj. Şükran Vahide (Istanbul: Sozler Nesriyat, 2001), 335.

7 Said Nursi, *Risalah Nur: Menjawab Yang Tak Terjawabkan, Menjelaskan Yang Tak Terjelaskan*, terj. Sugeng Harriyanto (Jakarta: Murai Kencana, 2003), 288

8 Nama sebenar nabi Yunus a.s ialah Yunus bin Matta. Di dalam kitab Bible, baginda digelar sebagai Jonah.

9 Kisah Nabi Yunus a.s ini bermula selepas baginda berusaha untuk memujuk kaum disebuah tempat (Niwana) untuk beriman kepada Allah s.w.t. Setelah segala usaha dakwahnya gagal, baginda akhirnya memutuskan untuk meninggalkan kawasan tersebut. Baginda akhirnya menumpang sebuah kapal untuk berlayar ke tempat lain. Ditengah-tengah perjalanan, berlaku ribut yang begitu dahsyat, dan kapal yang mereka naiki berlaku ketidaksimbangan. Mereka akhirnya memutuskan untuk mengurangkan berat (beban) yang ada di atas kapal itu, termasuklah penumpangya. Maka selepas tiga kali undian, Nabi Yunus ‘terpilih’ untuk terjun ke lautan, dalam keadaan gelora yang amat dahsyat, dan ditengah-tengah malam yang pekat. Sedang nabi Yunus a.s berusaha untuk menyelamatkan diri, baginda telah ditelan oleh seekor ikan yang besar. Baginda bermunajat kepada Allah s.w.t. Dan baginda akhirnya terselamat dari bencana tadi, sehinggalah selamat mendarat ke daratan.

setinggi-tinggi munajat manusia. Lafaz tersebut menurut Said Nursi adalah satu munajat yang paling agung dan indah serta salah satu doa yang pasti dikabulkan oleh Allah s.w.t sehingga di rakam di dalam al-Quran. Ianya sebagaimana yang diriwayatkan dari Sa’id bin Abi Waqqas, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud,

“Doa’ Dzu-Nun (Nabi Yunus a.as ketika berada di dalam perut ikan Nun) ialah, ‘La ilaha illa anta subhanaka inni kuntu minadzalimin’. Dan setiap muslim yang berdoa nascaya Allah s.w.t akan kabulkan apa yang diminta”.¹⁰

Dari satu sudut yang lain, Said Nursi menyatakan ujian yang dihadapi oleh kita umat akhir zaman, sebenarnya jauh lebih mencabar berbanding ketika zaman Nabi Yunus a.s. Zaman ini menurut Said Nursi adalah saat dan kondisi yang paling ‘cemas’, paling menakutkan, dan paling bahaya (berlipat-lipat kali ganda) dari saat dan waktu Nabi Yunus a.s ‘dicampakkan’ ke lautan, seterusnya ditelan ikan Nun. Said Nursi telah menyatakan tiga keadaan ketika itu untuk menggambarkan betapa dahsyatnya berada di zaman ini. Tiga keadaan itu yang pertamanya ialah yang berkait dengan masa, iaitu waktu malam yang gelap, keduanya tempat, iaitu keadaan lautan yang ganas dan bergelora, dan ketiganya, objek, iaitu ikan yang besar ganas.¹¹

Daripada tiga perkara tadi, Said Nursi cuba membandingkan dengan situasi kita pada hari ini seperti gambaran berikut. Kata Nursi, malam yang menaungi kita hari ini adalah ibarat masa depan kita yang jika kita lihat dengan (pandangan acuh), ia adalah seratus kali lebih gelap dan menakutkan berbanding malam ketika Nabi Yunus a.s terjun ke lautan. Sementara lautan ganas yang ‘menelan’ Nabi Yunus a.s ketika itu digambarkan Said Nursi umpama bumi yang kita pijak hari ini, yang menampung beribu-ribu mayat. ‘Lautan’ mayat ini digambarkan Said Nursi begitu dahsyat, dan seratus kali lebih menakutkan berbanding lautan pada waktu itu¹².

Begitu juga dengan seekor ikan Nun yang besar dan ganas tadi, yang menelan hidup-hidup Nabi Yunus a.s, digambarkan Said Nursi umpama nafsu amarah kita. Ianya boleh memusnahkan bukan sahaja kehidupan dunia kita, namun turut memberi kesan kepada kehidupan akhirat kita. Kerana itu Said Nursi membayangkan nafsu amarah kita umpama seekor ‘ikan’ yang ganas, yang mampu menyentap setiap amal, perbuatan dan akidah kita.¹³

“For his fish could destroy a hundred-year lifespan, whereas ours seeks to destroy a life lasting hundreds of millions of years. This being our true state, we should in imitation of Jonah (Upon whom be peace) avert ourselves from all causes and take refuge directly in the Causer of Causes, that is, our Sustainer.”¹⁴

Demikianlah hakikat yang perlu kita tempuhi dizaman yang penuh ujian dan cabaran ini. Dan menurut Said Nursi, tiada jalan lain yang selamat dan boleh diikuti melainkan jalan Nabi Allah Yunus a.s.

Kisah Nabi Ayyub (a.s): Munajat Sabar. Kisah Nabi Ayyub a.s merupakan kisah yang kedua berkaitan munajat nabi Allah dalam kitab *al-Lama’at (The Flash)*, selepas kisah munajat nabi Yunus a.s. Di dalam risalah ‘cahaya’ yang kedua ini, Said Nursi telah menerangkan secara panjang lebar hikmah ujian yang terjadi pada nabi Allah Ayyub a.s. Sebagaimana yang dibahaskan dalam ‘cahaya’ yang pertama (menjelaskan secara ringkas munajat Nabi Yunus a.s yang mengharapkan redha dan rahmat Allah s.w.t), begitu juga dalam ‘cahaya’ kedua ini, Said Nursi telah memberi tumpuan terhadap lafaz munajat Nabi Ayyub a.s ketika menghadapi ujian, yang menurut Said Nursi lebih menjurus kepada persoalan ‘kelembutan’ dan kasih sayang Allah s.w.t.

Lafaz doa’ munajat nabi Ayyub a.s, sebagaimana yang terakam di dalam surah *al-Anbiya’* yang bermaksud,

“Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayyub, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: “Sesungguhnya Aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) Yang Mengasihani”

(Al-Anbiya’ 21: 83).

Selain itu, di dalam risalah yang menceritakan perihal nabi Allah Ayyub a.s ini, Said Nursi telah menggariskan beberapa

10 Hadis diriwayatkan oleh imam al-Tarmizi (no.3505), dan juga imam-imam yang lain seperti Imam Ahmad, Imam Hakim dan lain-lain. Menurut Syeikh al-Bani yang dipetik dari kitabnya *al-Sahihah* (no. 1744), hadis ini bertaraf hadis hasan sahih.

11 Said Nursi, *Risalah an-Nur: Menikmati Takdir Langit (Lama’at)*, terj. Fauzy Bahreisy dan Joko Prayitno (Jakarta: Murai Kencana, 2003), 3.

12 Nursi, Badiuzzaman Said, *The Flashes Collection (The First Flash)*, terj. Şükran Vahide (Istanbul: Sozler Nesriyat, 2004), 19.

13 *Ibid*.

14 *Ibid*.

5 perkara yang bersangkutan dengan munajat nabi Ayyub a.s. Penulis telah memendek dan merumuskan kelima-lima persoalan tadi kepada 5 perkara berikut, iaitu: Yang **pertama** berkaitan dengan persoalan takdir, **kedua** persoalan syukur, **ketiga** persoalan sabar, **keempat** persoalan redha dan **kelimanya** persoalan tawakkal. Pendek kata menurut Said Nursi, jika seseorang manusia berdepan dengan situasi apa sekalipun, jika mereka memahami kelima-lima prinsip persoalan ini, maka tingkat iman mereka berada dalam keadaan selamat, dan mereka akan peroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat yang kekal abadi.¹⁵

Satu perkara yang menarik perhatian penulis dalam perbahasan Said Nursi tentang nabi Ayyub a.s ini ialah, Said Nursi telah ‘mentafsirkan’ peristiwa penyakit nabi Ayyub a.s sebagaimana berikut:

“Dalam munajat Nabi Ayyub a.s, baginda tidak berdoa untuk dirinya sendiri, dan tidak pula berdoa supaya berasa bahagia. Tetapi baginda meminta kepada Tuhannya agar penyakitnya itu diangkat ketika penyakit itu mula menyerang anggota mulutnya, sehingga menghalang beliau untuk berzikir kepada Allah s.w.t, serta menghalang kalbu baginda untuk merenung kekuasaan Allah s.w.t. Baginda memohon kesembuhan agar dapat melakukan kewajipan ibadah secara tenang dan sempurna.”¹⁶

Begitulah respon Said Nursi dalam peristiwa nabi Allah Ayyub a.s yang menurut Said Nursi sangat hebat dan istimewa, sehinggalah Allah s.w.t memakbulkan munajat Nabi Ayyub a.s. Rahsia atau kuncinya ialah, kita memahami 5 prinsip yang disebutkan oleh Said Nursi tadi, selain berdoa kepada Allah s.wt supaya bukan sahaja disembuhkan penyakit fizikal, malah ‘penyakit’ spiritual, ‘penyakit’ rohani dan ‘pengakit’ hati.

“We too should make our primary intent, when making that supplication, the healing of the inward and spiritual wounds that arise from sinning. As far as physical diseases are concerned, we may seek refuge from them when they hinder our worship. But we should seek refuge in a humble and supplicating fashion, not protestingly and plaintively. If we accept God as our Lord and Sustainer, then we must accept too all that He gives us in His capacity of Sustainer.”¹⁷

Dari sudut pandang yang lain, Said Nursi membandingkan apa yang berlaku pada nabi Allah Ayyub a.s dengan situasi zaman kita pada hari ini. Beliau membuat perumpaan, ulat dan cacing-caing yang menyerang kulit Nabi Yusuf a.s umpama dosa. Dan ia boleh dipadamkan dengan *istighfar*. Dan jika dosa tersebut tidak segera dipadamkan kata Said Nursi, maka ia akan berubah menjadi cacing, bahkan menjadi ular yang bakal menggigit dan menyakiti tubuh seseorang itu.¹⁸

Kisah Nabi Khidr (a.s): Hidup Atau Mati Kisah mengenai riwayat nabi Khidr a.s telah menjadi perbahasan ulama-ulama Islam sejak dahulu. Pelbagai pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh mereka, di mana ada di antara mereka menyatakan bahawa baginda sudah wafat, dan ada dari mereka mendakwa baginda masih hidup berdasarkan hujah dan dalil-dalil mereka. Al-Imam al-Nawawi r.a dalam kitab syarahnya turut menyokong pendapat yang mengatakan nabi Khidr a.s masih hidup, walaupun mengakui di sana adanya khilaf tentangnya. Kata Imam al-Nawawi: “*Sesungguhnya telah berlaku perselisihan di kalangan ulama mengenai hidupnya nabi Khidr a.s. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa Khidr a.s itu masih hidup lagi wujud di persekitaran*”¹⁹.

Menjelaskan hakikat ini, Imam al-Nawawi berkata,

“Pendapat ini telah disepakati dikalangan ulama-ulama Tasawuf, para soleh dan ahli-ahli ma’rifat (wali Allah). Cerita-cerita daripada mereka bahawa mereka pernah melihatnya, bertemu dengannya, mengambil ilmu daripadanya, bersoal-jawab dengannya dan cerita-cerita tentang kewujudannya di tempat-tempat yang mulia dan di persekitaran yang baik, terlalu banyak untuk dihitung dan terlalu masyhur.”²⁰

Bagi Said Nursi, beliau turut berpandangan bahawa nabi Khidr a.s sebenarnya masih hidup, dan beliau telah menggariskan 5 dalil atau *asbab* utama untuk menyokong hujah beliau dan ulama-ulama yang sealaran dengannya. Lima *asbab* tersebut menurut Said Nursi adalah berdasarkan 5 *hayah* kehidupan manusiawi. Beliau ada menerangkan perkara ini di dalam

kitab *al-Maktubat*, iaitu di dalam *al-Maktubat Awwal*. 5 dalil tersebut ialah:

- Kebanyakan kita hari ini merasakan kehidupan manusia sekarang adalah berkait dengan ruang masa dan tempat. Sedang di dalam Islam, ulama menyatakan bahawa ia bukan suatu kemestian. Banyak dalil dari nas-nas al-Quran dan Hadis yang menyatakan perkara tersebut. Maka nabi Khidr a.s tergolong dalam kumpulan manusia istimewa yang tidak terikat dengan masa dan tempat.
- Terdapat riwayat yang menyatakan nabi Khidr a.s boleh berada di beberapa tempat dalam satu-satu masa. Ini secara tidak langsungnya mengesahkan bahawa Nabi Khidr a.s tidak mustahil untuk terus hidup andai mempunyai mukjizat menjangkau masa.
- Peringkat kehidupan seperti nabi Idris a.s dan nabi ‘Isa a.s, di mana kehidupan nurani mereka dikatakan ulama menghampiri *hayah* seorang malaikat. Iaitu ditakdirkan umurnya panjang sehingga ke alam akhirat.
- Seperti kehidupan para *syuhada* (mereka yang mati di medan perang), yang mana menurut al-Quran, mereka sebenarnya tidak mati, bahkan ‘hidup’.²¹
- Kehidupan rohani ahli kubur. Pada sangkaan dan pandangan *zahiriah* kita manusia istimewa ini seperti sudah wafat di alam kubur, namun sebenarnya mereka hidup di alam tersebut.²²

Hujah dan pendapat Said Nursi dan Imam al-Nawawi ini dilihat dikongsi oleh kebanyakan ulama-ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*, khususnya dari kelompok Sufi seperti Ibn Hajar al-Haytami dalam *al-Fatawa al-Hadisiyyah*, Jalal al-Din al-Suyuti dalam *al-Khasa’is*, Wahab bin al-Munabbih dalam *al-Mubtada’*, seterusnya Ibn ‘Arabi, al-Junaidi, Abu Talib al-Makki, bahkan Khalifah ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz r.a, dan ramai lagi. Namun berbeza dengan Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi. Beliau dilihat menolak hujah dan pendapat mereka yang menyatakan nabi Khidr a.s masih hidup.

“Sama sekali tidak adil pendapat yang mengatakan bahawa al-Khidir masih hidup, sebagaimana anggapan sementara orang, tetapi sebaliknya ada dalil-dalil dari al-Qur’an, Sunnah, akal dan ijma, diantara para ulama dari ummat ini bahwa al-Khidir sudah tiada.

Saya anggap cukup dengan mengutip keterangan dari kitab *al-Manarul Muniffi al-Hadis Sahih wa al-Da’if*, karangan Ibn Qayyim. Ibn Qayyim r.a menyebutkan dalam kitab itu ciri-ciri dari hadis *maudu’*, yang tidak diterima dalam agama. Diantara cirinya ialah “hadis-hadis yang menceritakan tentang al-Khidir dan kehidupannya.” Semuanya adalah dusta. Tidak satu pun hadis yang sahih.”²³

Bahkan ulama-ulama *Salaf* bersepakat bahawa nabi Khidr a.s telah meninggal dunia berdasarkan dalil-dalil *naql* dan *aql* yang dikemukakan mereka. Antara ulama *Salaf* yg lantang menolak pandangan nabi Khidr a.s masih hidup ialah Syaikh ‘Abdul ‘Aziz bin ‘Abdullah bin Baz. Beliau berpendapat bahawa nabi Khidr a.s telahpun wafat sebagaimana wafatnya manusia dan nabi-nabi yang lain. Ianya adalah ketetapan Allah s.w.t (*sunnatullah*) sejak azali berdasarkan firman Allah s.w.t, bahawa setiap makhluk yang bernyawa pasti akan merasai mati²⁴. Kata beliau, yang benar dari dua pendapat ulama ini adalah pendapat dikalangan *jumhur* yang mengatakan bahawa nabi Khidir a.s telah meninggal, berdasarkan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

”Dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelummu dapat hidup kekal (di dunia ini). maka kalau Engkau meninggal dunia (Wahai Muhammad), Adakah mereka akan hidup selama-lamanya?”
(Al-Anbiya’ 21: 34)

Pendapat ‘Abdul ‘Aziz Bin Baz ini didokong oleh ulama-ulama dari aliran *Salaf* seperti Ibn Qayyim al-Jawzi, Syeikh al-Bani, al-Imam Abu al-Farj bin ‘Abdul Rahman, dan ramai lagi. Kata Ibn Qayyim, “*Dalil yang menunjukkan bahwa Nabi Khidir sudah tidak ada di dunia adalah empat perkara; al-Qur’an, al-Sunnah, ijma’ (kesepakatan) ulama muhaqqiqin, dan dalil aqliy*”. Sementara menurut Abu al-Farj pula, “*Nabi Khidr; jika dia itu seorang manusia, maka sungguh ia telah masuk dalam keumuman ayat ini (setiap manusia pasti merasai mati) tanpa ada keraguan. Seorang tidak boleh mengkhususkannya dari keumuman itu, kecuali dengan dalil yang shahih*”²⁵.

Namun, Said Nursi membuka ruang untuk berbeza pandangan dalam isu ini. Beliau turut mempunyai hujah dan dalil yang

15 Said Nursi, *Risalah an-Nur: Menikmati Takdir Langit (Lama’at)*, terj. Fauzy Bahreisy dan Joko Prayitno (Jakarta: Murai Kencana, 2003), 16

16 *Ibid*.

17 Nursi, Badiuzzaman Said, *The Flashes Collection (The First Flash)*, terj. Şükran Vahide (Istanbul: Sozler Nesriyat, 2004), 26.

18 *Ibid*.

19 Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, *Tahzib al-Asma’ wa al-Lughat*, jil. I (Beirut: Dar al-Fikr, 1996), 1/176. Rujuk juga al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, Syarh Sahih Muslim, jil. X (Beirut: Dar al-Khair, 1414H), 10/135-136.

20 *Ibid*.

21 Al-Quran, surah *al-‘Imran* 3: 169-171

22 *Ibid*.

23 Yusuf al-Qaradawi, “Imajinasi Manusia Tentang al-Khidir a.s.” terj. Risalah Gusti, cet. ke-2 (Artikel Fatawa Qardhawi, Surabaya: Penerbit Risalah Gusti, 1996).

24 Surah *al-Anbiya’* 21: 35.

25 Abu Fa’izah Abdul Qadir al-Atsari, “Nabi Khidir antara Hidup dan Mati”, laman sesawang *almakassari.com*, dicapai pada 11 Disember 2013, <http://almakassari.com/artikel-islam/aqidah/nabi-khidir-antara-hidup-dan-mati.html>. Rujuk juga Ibn. Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah* (Beirut: Maktabah Al-Ma’arif), 1/334, dan Ibn al-Qayyim, *Al-Manar Al-Munif*, 69.

tersendiri, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Imam al-Nawawi dan lain-lain. Begitulah antara lontaran idea dan sisi pandang yang dikemukakan oleh Said Nursi, dalam menyokong pendapat yang mengatakan Nabi Khidr a.s sebenarnya hidup di alamnya, sedang hakikat sebenar hanyalah dibawah pengetahuan Allah ‘*azza wajalla*. Hujah beliau ini dilihat antara yang popular sehingga menjadi rujukan khususnya dikalangan ulama-ulama sufi alaf kontemporari.

PENUTUP

Keyakinan kepada Allah s.w.t, Tuhan sekalian alam tidak bermakna jika sekiranya keimanan dan keyakinan kepada nabi-nabi Allah s.w.t ini tidak diperbetul dan dihayati terlebih dahulu. Ia dibimbangi akan menjejaki *i’tiqad* kaum Yahudi dan Nasrani, yang hanya percaya dan mengakui kewujudan Allah s.w.t, namun dalam masa yang sama mengingkari perutusan kenabian Nabi Muhammad s.a.w. Akibat faham ini, tercetuslah pelbagai jenis kepercayaan dan fahaman yang menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Sehingga Said Nursi ’terpaksa’ menjawab segala dakwah dan tohmah masyarakat Yahudi dan Nasrani terhadap persoalan kenabian ini dalam *Rasāil an-Nūr*, secara panjang lebar dan ilmiah.

Sebagaimana kata Syeikh Abū Hassan ‘Ali Nadwī, manusia tidak akan melakukan sesuatu tanpa memikirkan kejayaannya dan setiap kejayaan itu adalah berpunca daripada ajaran-ajaran rasul dan nabi Allah s.w.t yang mulia. Para nabi sentiasa menganjurkan kesucian jiwa manusia dan mengenal sifat dan pekerjaan syaitan. Mereka juga telah menggerakkan hati manusia untuk berjuang menegakkan keadilan dan menentang kejahatan dan kemaksiatan, seterusnya meningkatkan kesedaran moral di kalangan mereka.²⁶

Tidak ada manusia lain, selain daripada nabi boleh mengaku telah memberikan sumbangan yang lebih besar dalam memperkayakan budaya fikir dan menghalusi peradaban manusia. Bahkan ulama yang wujud di atas muka bumi ini tidak mampu mengalahkan atau menandingi ketinggian ilmu dan tahap iman nabi-nabi walaupun mereka bersatu. Bahkan menurut Said Nursi, mereka (ulama-ulama besar dan wali Allah s.w.t) juga bersaksi atas kebenaran ‘guru’ terbesar mereka merangkap junjungan agung mereka yang suci, iaitulah nabi Muhammad s.a.w.²⁷

26 Syed Abul Hasan Ali Nadwi, *Konsep Kenabian*, terj. Noorzila Jamaluddin dan Aliah Abdul Rahim (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1990), 31.

27 Said Nursi, *Risalah an-Nur: Menjawab Yang Tak Terjawabkan, Menjelaskan Yang Tak Terjelaskan*, terj. Sugeng Harriyanto (Jakarta: Murai Kencana, 2003), 285.